

R GB 06-06 00147 BC288

bah

Mahathir - Doktor

PERSATUAN PROFESIONAL TIDAK PATUT TERBABIT DENGAN POLITIK

Langkawi, 6 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan persatuan-persatuan profesional bahawa mereka akan kehilangan integriti dan penghormatan masyarakat sekiranya membiarkan diri mereka terbabit dengan politik.

Katanya persatuan profesional bukan seperti kesatuan sekerja kerana ia bukan bermatlamat menetapkan yuran semata-mata, sebaliknya ia lebih mendutamakan etika dan mutu profesional di kalangan anggotanya

"Anggota-anggota persatuan perlu ingat bahawa fungsi asas persatuan perlu diutamakan, kesatuan akan hilang integriti dan penghormatan masyarakat sekiranya ia terlibat dalam politik dalaman," katanya ketika merasmikan mesyuarat agung Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) di sini malam ini.

Sebaliknya persatuan perlu berusaha meningkatkan mutu perkhidmatan dan kemahiran pengamal-pengamal supaya dapat meningkatkan kewibawaan mereka, kata beliau.

Katanya profesion perubatan seharusnya disegani dan mendapat kepercayaan daripada masyarakat yang menerima perkhidmatan mereka. -- Lagi

06/06/23-14MST

R GB 06-06 00144 BC289

bah

Mahathir - Doktor 2 Langkawi

Sehubungan itu beliau mengingatkan MMA supaya tidak membiarkan dirinya diperalatkan oleh segelintir anggotanya untuk kepentingan diri dan sebaliknya mempertahankan imejnya supaya dipercayai dan disegani masyarakat.

Dalam usaha meningkatkan mutu perkhidmatan, pendidikan perubatan secara berterusan penting bagi menambahkan pengetahuan dan kemahiran khususnya dalam perkembangan terbaru dalam bidang perubatan, kata beliau.

"Dalam hal ini badan-badan profesional perlu memainkan peranan yang lebih besar dalam menderakkan doktor dan pengamal perubatan yang lain khususnya mereka disektor swasta supaya menceburi program-program meningkatkan ilmu dan kemahiran mereka," kata Dr Mahathir

Dr Mahathir percaya kejadian-kejadian buruk seperti yang dilaporkan oleh media masa kebelakangan ini boleh dikurang atau dielakkan sekiranya doktor bukan sahaja memberi rawatan yang rapi tetapi juga berusaha meeningkatkan interaksi dengan pesakit dalam memainkan peranan mereka sebagai penasihat atau sahabat kepada pesakit. -- Lagi

▼06/06/23-27MST

R GB 06-06 00170 BC291

bah

Mahathir - Doktor 3 (Akhir) Langkawi

Beliau berkata doktor-doktor sebagai pembekal perkhidmatan perubatan perlu peka kepada persekitaran dan bersikap pro-aktif dalam menyediakan perkhidmatan.

Katanya para doktor perlu peka bahawa tahap yang dianggap sebagai berkualiti pada hari ini mungkin tidak lagi dianggap berkualiti di masa depan.

Sehubungan itu beliau menyarankan supaya diwujudkan mekanisme "self-regulatory" untuk mengawasi mutu perkhidmatan.

Beliau juga menasihatkan doktor-doktor supaya memberi perkhidmatan yang baik dan menentukan bahawa rawatan yang diberi akan memanfaatkan pesakit.

Kerajaan akan membelanjakan hampir lima peratus daripada Keluaran Negara Kasar bagi perkhidmatan kesihatan pada tahun 2000 dan kadar ini diandaikan meningkat kepada tujuh peratus menjelang 2020, kata beliau.

Kerajaan tentu sekali tidak berupaya menanggung perbelanjaan perkhidmatan kesihatan yang meningkat tinggi tanpa menjejaskan peruntukan atau keperluan perkhidmatan lain.

"Masanya telah tiba kita meneliti peranan sektor swasta dalam membantu kerajaan kearah penyediaan perkhidmatan yang lebih saksama dan mampu dinikmati oleh golongan masyarakat yang lebih ramai," tambahnya. --
Bernama

IO sbi

▼06/06/23-32MST